

Zaihasrim b. Mohd Dawal

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Friday, July 14, 2017 11:28 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PESAN 2017 Teroka Isu-isu Semasa Keluarga Dan Masyarakat



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

14 JULAI 2017 / 20 SYAWAL 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie & Muhammad Hasif Ismail

PESAN 2017 TEROKA ISU-ISU SEMASA KELUARGA DAN MASYARAKAT



UUM ONLINE: Kuala Lumpur, 14 Julai - Bagi menangani cabaran masyarakat yang semakin kompleks dan mencabar, Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP) Universiti Utara Malaysia (UUM) bersama Institut Sosial Malaysia (ISM) telah menganjurkan Persidangan Kebangsaan Kerja Sosial 2017 (PESAN 2017) pada 12 dan 13 Julai di Auditorium ISM.

Bertemakan "Kerja Sosial Mendepani Cabaran Sosial," persidangan dua hari itu buat julung kalinya menggabungkan tenaga kerja dan kepakaran dari Program Kerja Sosial UUM dan ISM dengan kerjasama tiga organisasi yang paling berpengaruh dalam profesion kerja sosial di Malaysia iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Persatuan Pekerja Sosial Malaysia (MASW) dan Persatuan Pegawai Pembangunan Masyarakat (Perubatan) Malaysia (PPPP).

Perasmian PESAN 2017 telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Strategik, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat (KPWK), Encik Azman Mohd Yusof, mewakili Yang Berhormat Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat Malaysia.

Beliau yang membacakan teks ucapan YB Dato' Sri Rohani berkata perkongsian ilmu dalam bidang kerja sosial yang menyeluruh dapat digunakan untuk meningkatkan perkhidmatan yang lebih berkualiti dan profesional kepada klien iaitu mereka yang memerlukan bantuan daripada pihak ketiga iaitu pekerja sosial.

"Kerjasama pintar seperti persidangan ini diharapkan mampu meningkatkan profesionalisme kerja sosial, melahirkan pekerja sosial yang berdaya saing dan mendekatkan lagi jurang di antara pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi membantu meningkatkan kesejahteraan dan kemaslahatan masyarakat yang memerlukan bantuan seperti wanita, keluarga, kanak-kanak, warga emas, orang kelainan upaya (OKU), orang papa, mangsa bencana alam dan lain-lain agar mereka lebih berdaya saing dan seterusnya dapat menyumbang kepada pembangunan negara," katanya.

Sementara itu Dekan SAPSP, Prof Madya Dr Noor Azniza Ishak yang mewakili Naib Canselor berkata kerjasama antara ISM, MASW dan PPPP merupakan usaha sama yang mampu mendekatkan menara gading dengan praktis atau '*translational research*' atau '*translating research into practice*'.

"Usaha sama ini mampu mengupayakan penggunaan hasil penyelidikan IPT untuk diaplikasikan dalam situasi sebenar seterusnya dapat diterjemahkan untuk menyelesaikan masalah dalam masyarakat khususnya yang berkaitan kerja sosial," ujarinya yang membaca teks ucapan Naib Canselor.

PESAN 2017 antara lain membincangkan inisiatif terkini profesion kerja sosial dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat serta menyediakan wadah perbincangan kepada para pendidik, penyelidik, dan pengamal kerja sosial selaras dengan konsep Kerajaan di bawah inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang menggalakkan kerjasama strategik antara pihak Kerajaan, Badan Berkanun, Badan Bukan Kerajaan, Swasta dan lain-lain.

Persidangan ini mengutarakan tiga ucap utama dan 16 slot pembentangan dalam tiga sesi selari. Seramai 195 orang peserta dan pembentang daripada institut pengajian tinggi dan organisasi dari dalam dan luar negara terlibat dalam persidangan ini.

Pada majlis itu juga turut dilancarkan buku "Isu-Isu Psikososial Daripada Pelbagai Perspektif" yang diterbitkan oleh ISM dengan kerjasama SAPSP UUM. Buku itu mengandungi artikel mengenai isu-isu psikososial yang dilihat dari pelbagai perspektif.

Hadir sama Pengarah ISM, Dr. Al-Azmi Bakar; Pengarah Bahagian Perancangan & Pembangunan (PP) JKM, Fatimah Zuraidah Salleh mewakili Pengarah JKM; Presiden MASW, Prof Dr Ismail Baba; Harolhanam Mohamed Wahid, pemangku Presiden PPPP, pensyarah-pensyarah UUM dan pegawai-pegawai ISM.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.